

# UiTM juara Pencak Silat 2012

*Lapan atlet kebangsaan bolot emas, mahu terus cemerlang*

**BATU PAHAT** - Universiti Teknologi Mara (UiTM) dinobatkan sebagai juara keseluruhan peringkat institut pengajian tinggi (IPT), setelah berjaya menewaskan 32 IPT lain dalam Kejohanan Pencak Silat Piala Timbalan Perdana Menteri 2012.

Dengan memperoleh lapan pingat emas, satu pingat perak dan tiga pingat gangsa membuatkan UiTM menjadi satu kuasa besar dalam kejohanan silat berkenaan pada tahun ini berbanding tahun lalu.

Pengurus Pasukan berkenaan, Said Saad, berkata pencapaian berkenaan adalah usaha keras pasukannya untuk bergelar juara pada tahun ini, dan usaha berkenaan dilakukan sebaik sahaja tamat Sukan Majlis Universiti-Universiti Malaysia (Masum), Julai lalu.

Menurutnya, dalam kejohanan pada tahun ini dia telah menjangkakan kemenangan berkenaan kerana dalam pasukannya terdiri daripada sembilan atlet kebangsa-



Kontinjen UiTM meraikan kemenangan mereka dalam Kejohanan Pencak Silat Piala Timbalan Perdana Menteri 2012.

an yang mampu mengharumkan nama UiTM.

"Pada tahun lalu, kebanyakan atlet ini mewakili negara untuk kejohanan yang sama, tetapi pada tahun ini pihak UiTM memanggil mereka kerana khidmat mereka

lebih diperlukan oleh pihak universiti

"Saya telah jangkakan kemenangan ini dan harapan yang tinggi saya pertaruhkan kepada semua peserta termasuk peserta harapan kami, Mohd Izzuddin Hanan yang

turut meraih kemenangan," katanya

Sementara itu, dalam kategori Silat Olahraga Antarabangsa telah dimenangi oleh kontinjen dari Malaysia dengan 14 emas, tiga perak, lima gangsa, manakala tem-

pat kedua Singapura dengan lima emas, sembilan perak serta tiga gangsa. Tempat ketiga pula adalah milik Vietnam dengan dua emas, tiga perak dan dua gangsa.

Tempat kedua dalam kategori IPT diraih oleh pasukan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dengan empat emas, dua perak dan empat gangsa, serta ketiga ialah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan tiga emas, tiga perak dan dua gangsa.

Said berkata, untuk persiapan yang akan datang pihak UiTM akan mula mencari bakat baru yang boleh dijadikan pelapis untuk mereka yang telah berjaya agar kemenangan dapat diraih tahun hadapan.

Jelasnya, persediaan rapi akan dilakukan termasuklah mencari mereka yang berkebolehan di kampus induk dan cawangan agar pelapis dapat dikehalkan.

"Saya harap kemenangan ini berterusan berdasarkan pencapaian cemerlang kami kecap pada tahun ini yang dilakukan di Batu Pahat ini."

"Kami juga berbangga kerana pesilat terbaik peringkat IPT juga adalah milik kami iaitu Muhammad Munawwar Shamsuddin yang menjadi Pesilat Terbaik Putera," katanya.